

# Kemahiran generik tingkat kualiti TVET

Berita Harian Khamis 27 Oktober 2016

**B**ajet 2017 adalah bonus kepada phak akademik, instruktur dan pelajar aliran pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta limpahan kepada industri yang menyediakan ruang dan peluang lebih luas kepada pelajar TVET menjalani praktikal dan latihan industri. TVET diperakui pendidikan parling tepat untuk menyediakan modal insan yang sedia memasuki terus pasaran kerja pada peringkat separa mahir. Peruntukan RM4.6 bilion untuk memperkasa institusi TVET perlu diguna sebaik mungkin bukan sahaja untuk pembangunan prasarana, infrastruktur dan fasiliti lebil bersifat fizikal, malah untuk pembangunan profesionalisme pelajar, pelatih dan juga pekerja. Menyentuh mengenai kualiti graduan institusi TVET, selain perolehan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah atau kemasiran generik juga perlu diperlengkap dalam diri mereka. Maka pelajar dan pelatih serta bakal pekerja, perlu diterapkan dengan kemahiran generik hijau agar dapat membudayakan amalan hijau di tempat kerja.

Pada Persidangan Meja Bulat Belia bertemakan TVET Satu Pi- lihan pada 15 Oktober lalu di Unikl, IPROM, Cheras, beberapa kelemahan ketara pekerja diketahui. Antaranya, soft skills dan niali kendiri pekerja menyebabkan mereka tidak dapat bertahan la- ma dalam pekerjaan dicebur.

## Lemah kemahiran generik

Ramai pekerja baharu berdepan kesukaran untuk survive dalam tempoh per cubaan disebabkan ketidakcepatan dalam mempraktikkan kemahiran generik dan kegagalan membuat sesatu kepu- tusan dalam keadaan tertekan. Justeru, antara resolusi dalam persidangan ialah memperkasa kemahiran generik pelajar dan pelatih TVET serta pekerja novis. Dalam mendepani cabaran teknologi dan alam pekerjaan masa akan datang, pelaburan dalam bentuk penyelidikan, penerbitan ilmiah dan harta intelek sangat berbaloi. Sebagai contoh, keber- hasilan industri berteknologi hi- jau pada masa depan sebagaiannya bergantung kepada keter- sediaan modal insan dilengkapi dengan kemahiran generik hijau. Namun, sehingga kini belum

menyediakan kemudahan melalui semula pekerja khususnya meningkatkan lajuan kerjaya dalam bidang kepemimpinan TVET. Justeru, bagi memantapkan ke- trampilan, latihan industri menjadi elemen wajib dalam kurikulum. Kerjasama antara industri dengan institusi penyedia latihan adalah model pembelajaran dan latihan berkesan untuk memupuk sikap terhadap pekerjaan.

Potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan syarikat yang menyediakan Structured Internship Programme adalah satu lagi bonus kepada pihak institusi penyedia la- tihan dan imbuhan kepada majikan. Dengan cara ini, lebih ramai pelajar dan pelatih TVET berpeluang menjalani latihan praktikal.

Ini bagi memastikan keceka- pan setiap pekerja tempatan setanding dengan ketrampilan pekerja negara maju dan memastikan ia sentiasa kompetitif. Bagi pemain industri, bajet ini juga boleh dikatakan sebagai pemangkin me- mantapkan lagi jalinan kerjasama antara industri dan penyedia la- tihan TVET bagi memperkasa sumber manusia, memacu negara ke arah negara membangun dan berpendapat tinggi.

## Komentar



**Dr Mohd Zolkifli  
Abd Hamid**

**Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**



Dalam mendepani cabaran teknologi dan alam pekerjaan masa akan datang, pelaburan dalam bentuk penyelidikan, penerbitan ilmiah dan harta intelek sangat berbaloi. Selain itu, pengembalsuaian institusi ini menjadi premis latihan yang dipertimbangkan untuk sangat berbaloi”